

TEKS UCAPAN
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN DI PDK NUR KASIH, SG.LIMAU DALAM,
YAN

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmatnya, saya dapat bersama–sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini bagi menyempurnakan satu lagi amanah dan tugas yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan bantuan berupa basikal dan elaun kanak-kanak OKU Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Daerah Yan, Kedah.
2. Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah khususnya kepada PKMD Yan yang bersedia menganjurkan majlis seumpama ini pada hari ini. Sesungguhnya peluang untuk bertemu dan bersama dengan penerima bantuan kebajikan masyarakat sungguh berharga bagi saya walaupun dalam tempoh yang singkat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Kerajaan sentiasa perihatin dan mengambil berat nasib yang di alami oleh golongan miskin, anak-anak yatim, orang kurang upaya, ibu tunggal dan semua golongan yang tidak berkemampuan serta berkeperluan dalam memenuhi hasrat pembangunan negara.
4. Negara amat bertuah kerana mempunyai pucuk pimpinan yang berjiwa rakyat. Dalam hal ini, yang amat terhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat selaras dengan gagasan 1 Malaysia. Kerajaan telah memperkenalkan program transformasi kerajaan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi dan sistem penyampaian berasaskan outcome.
5. Melalui program transformasi kerajaan ini, antara hasrat kerajaan adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Dalam hal ini, kementerian telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program bantuan kemasyarakatan secara holistik. Pendekatan ini dilaksanakan di bawah Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia atau KAR1SMA.
6. Di bawah program KAR1SMA ini, pelbagai perkhidmatan disediakan kepada kumpulan sasaran iaitu bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di

- institusi, pusat jagaan harian, program ziarah dan bantu, insentif oku produktif, job coach, latihan kemahiran kepada ibu tunggal dan golongan wanita, pemeriksaan kesihatan dan mamogram, pusat aktiviti kanak-kanak dan perkhidmatan taska serta inisiatif kebajikan produktif. KAR1SMA ini juga sebagai usaha berterusan kerajaan meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta memastikan tiada kelompok rakyat yang tercicir dari menikmati faedah pembangunan dan kemakmuran negara.
7. Sebagai bukti keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat, kementerian telah membelanjakan sejumlah RM1.17 bilion sehingga bulan September 2013 yang memberi manfaat kepada seramai 498,991 orang penerima di bawah skim bantuan kebajikan masyarakat.
 8. Bagi negeri Kedah, pada tahun ini, kerajaan persekutuan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak RM117.33 juta untuk pemberian bantuan kebajikan kepada seramai 35,596 orang penerima bantuan. Untuk daerah Yan sahaja sehingga Oktober 2013, kerajaan telah berbelanja sebanyak RM3.9 juta untuk membantu 1,681 penerima bantuan yang memerlukan. Jumlah ini termasuk RM1.6 juta yang diagihkan kepada 710 orang penerima di Dun Sungai Limau.
 9. JKM sentiasa perihatin dan berusaha untuk memberikan bantuan kebajikan kepada seluruh rakyat yang memerlukan tanpa mengambil kira latarbelakang kaum, agama, tempat tinggal dan fahaman politik. Pegawai dan kakitangan JKM sahaja sudah tentu tidak berkemampuan untuk mengenalpasti setiap individu atau keluarga yang memerlukan bantuan tanpa kerjasama daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dan orang ramai. Justeru, saya menyeru pemimpin-pemimpin tempatan dan orang ramai supaya memberi maklumat atau memaklumkan kepada JKM sekiranya ada golongan yang memerlukan bantuan tetapi tercicir.
 10. Pada hari ini saya akan menyampaikan bantuan 100 buah basikal kepada pelajar-pelajar sekolah yang juga merupakan anak penerima bantuan JKM dan juga penyampaian elaun kanak-kanak khas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Daerah Yan.
 11. Kerajaan sedar bahawa terdapat sebilangan masyarakat yang kurang berkemampuan untuk menyediakan kemudahan kepada anak-anak untuk ke sekolah dan pusat pemulihan khasnya bagi kanak-kanak OKU

tambahan pula peningkatan kos sara hidup sejak akhir- akhir ini. Namun, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan pendidikan anak-anak kita. Justeru, untuk meringankan beban keluarga, Kerajaan menyediakan skim elaun kanak-kanak khas OKU selain memberikan bantuan basikal kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan. Bantuan yang disampaikan pada hari ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil kerajaan untuk membantu golongan ini. Pada hari ini juga akan disempurnakan penyampaian elaun kanak-kanak khas OKU yang melibatkan 88 OKU dari 2 buah PDK Daerah Yan berjumlah RM12,900.

12. Kerajaan sentiasa bersedia untuk membantu mereka yang memerlukan. Walau bagaimanapun rakyat perlu juga berusaha untuk merubah status diri ke arah berdikari, tidak bersikap pasif dan hanya bergantung kepada bantuan kebajikan semata-mata.
13. Saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini dan kepada mereka yang sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam membela rakyat.

Sekian, wabillahhi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.